



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (55)

Tarikh : 28 Oktober 2025

Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PENDAFTARAN PELATIH SECARA DALAM TALIAN BAGI PERMOHONAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN TAHUN 2025 BAGI PENYEDIA LATIHAN SWASTA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran dan Agihan (JPPA) bilangan 12 tahun 2025 yang bersidang pada 13 Oktober 2025 telah bersetuju bahawa sesi pendaftaran pelatih secara dalam talian bagi permohonan pinjaman latihan kemahiran bagi tahun 2025 **dibuka sehingga 30 November 2025. Pengagihan kapasiti ini adalah berdasarkan prinsip first come first serve basis** dan hanya melibatkan program di bawah kriteria berikut:

- i. Program yang disenaraikan di bawah kategori berimpak Tinggi (*high*) dan Sederhana (*intermediate*);
- ii. Mempunyai prestasi bayaran balik sekurang-kurangnya 25% bagi program kategori berimpak tinggi (*high*) dan 30% bagi kategori Sederhana (*intermediate*);
- iii. PL masih aktif dalam tempoh pendaftaran dengan PTPK serta bebas daripada tindakan pembekuan bayaran atau penguatkuasaan PTPK;
- iv. Status pentauliahan program aktif dalam pangkalan data PTPK dan tiada rekod lewat pembaharuan tempoh pentauliahan;
- v. Program latihan menggunakan Kod Noss baharu. Namun, bagi Kod Noss yang telah dijumlahkan, tertakluk kepada kelulusan PTPK;
- vi. Program bebas daripada sebarang sekatan pengambilan pelajar oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK);
- vii. Tarikh mula sesi latihan pada bulan September dan ke atas;
- viii. Tiada rekod permohonan rayuan lewat penghantaran dokumen bagi permohonan pinjaman yang diluluskan;

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PENDAFTARAN PELATIH SECARA DALAM TALIAN BAGI PERMOHONAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN TAHUN 2025 BAGI PENYEDIA LATIHAN AWAM

- ix. Permohonan pendaftaran lewat secara dalam talian hanya layak menerima bayaran kos sara hidup bermula dari tarikh permohonan dikemukakan;
- x. Pendaftaran Baharu, Pembaharuan dan Pendaftaran Semula Penyedia Latihan adalah kelulusan pada bulan September dan ke atas; dan
- xi. Tiada kapasiti tambahan bagi permohonan baru pinjaman.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan semua urusan permohonan pinjaman latihan kemahiran secara dalam talian berjalan lancar, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan supaya mengambil perhatian terhadap perkara ini. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia